



TEKS UCAPAN
YB DATO' SERI MAHDZIR KHALID
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR
BANDAR

SEMPENA :
MAJLIS PENUTUPAN HARI
POTENSI TABIKA KEMAS
PERINGKAT KEBANGSAAN
TAHUN 2022.

TARIKH :
2 SEPTEMBER 2022

Terima kasih saudara / saudari
Pengerusi Majlis

Bismillahirrahmannirrahim

Asalamualaikum wbt, Salam Sejahtera,
Salam 1KEMAS dan Salam Keluarga
Malaysia

SALUTASI

(Akan Diberikan Pada Hari Program)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, pertama sekali marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya maka dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah sempena Hari Potensi TABIKA KEMAS Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 pada malam ini.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan syabas dan tahniah kepada KEMAS di atas kejayaan menganjurkan Hari Potensi

TABIKA KEMAS Tahun 2022. Syabas juga saya ucapkan kepada semua kanak-kanak TABIKA KEMAS yang telah menyertai Hari Potensi pada tahun ini baik dari peringkat parlimen, daerah, negeri sehinggalah ke peringkat kebangsaan.

3. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat baik secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan sokongan dan kerjasama, terutamanya kepada ibu bapa/penjaga, Ahli Jawatankuasa TABIKA, Jabatan, agensi-agensi kerajaan dan orang perseorangan.

4. Saya merasa amat bangga dan gembira kerana pada hari ini bukan sahaja kanak-kanak TABIKA yang mewakili negeri, tetapi juga para ibu bapa yang datang jauh dari seluruh negeri semata-mata untuk bersama-sama meraikan dan menyaksikan kehebatan anak-anak masing-masing beraksi di gelanggang sukan sempena Hari Potensi pada kali ini.

5. Sesungguhnya saya merasa kagum melihat kebolehan kanak-kanak TABIKA KEMAS menampilkan aksi dan potensi diri dengan penuh keyakinan. Sudah pasti ucapan

terima kasih juga diucapkan kepada Pemaju Masyarakat atau guru-guru TABIKA, para ibu bapa dan ahli jawatankuasa TABIKA yang telah berjaya menggilap potensi mereka dengan cemerlang. Teruskan usaha ini, bimbing dan asuhlah anak-anak kita ini dengan penuh kasih sayang. Semoga usaha murni ini akan berkekalan serta mencapai objektif yang disasarkan. Inilah anak-anak yang akan menjadi pewaris bangsa dan negara pada masa akan datang.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DAN PROGRAM POTENSI

Para hadirin sekalian,

6. Mendidik merupakan suatu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan tanpa sebarang balasan, bukannya dianggap sebagai pengorbanan. Sehubungan itu, ibu bapa haruslah mengambil berat akan pendidikan anak-anak kerana ibu bapa adalah individu yang paling rapat dengan kanak-kanak berbanding orang lain serta ia

merupakan salah satu tanggungjawab ibu bapa dalam membantu kecemerlangan mereka.

7. Bagi mencapai sesebuah kecemerlangan dalam pendidikan, kanak-kanak akan memerlukan dorongan dan tunjuk ajar daripada ibu bapa dalam menempuhi segala rintangan yang mendatang. Sehubungan itu, ibu bapa hendaklah mengajar kanak-kanak daripada awal usia bagi merangsang perkembangan dan kemahiran mereka. Peribahasa juga menyatakan "*Melentur buluh biarlah dari rebungunya*". Dengan cara ini, kanak-kanak boleh memupuk diri

untuk lebih berdikari dan bermotivasi dalam mencapai kejayaan.

8. Penglibatan kanak-kanak dalam sukan potensi merupakan satu wadah sihat yang perlu digalakkan oleh seluruh ibu bapa, janganlah kerana kesibukan kita dengan kerja, keperluan dan kemahuan anak-anak yang ingin menceburi bidang sukan kita abaikan. Ia merupakan suatu kerugian kepada negara sekiranya bakat yang ada pada anak-anak kita tidak digilap dari awal.

9. Analoginya, anak-anak yang berada di hadapan saya pada hari ini

merupakan permata yang perlu terus digilap sehingga menyinari persada sukan negara dan antarabangsa suatu masa nanti. Negara kita hari ini, ketandusan atlet yang mampu membawa nama negara ke pelosok dunia. Kita perlu melahirkan lebih ramai bakat-bakat besar seperti legenda Datuk Mokhtar Dahari, Datuk Soh Chin Aun dan Datuk R Arumugam dalam arena sukan bola sepak. Manakala dalam acara balapan Dato' M. Jegathesan, atlet terpanas Asia yang membawa pulang pingat Emas pertama negara, Datuk Rabuan Pit penyumbang pingat emas negara di Sukan Asia

1982, Datuk Zaiton Othman ratu heptathlon dan 400m negara serta ramai lagi.

10. Saya percaya program potensi ini mampu melahirkan bakat-bakat besar dalam bidang sukan suatu hari nanti. Malah kegiatan sukan ini sewajarnya menjadi budaya rakyat Malaysia ke arah meningkatkan kesihatan dan kualiti kehidupan.
11. Sesungguhnya, akal yang sihat hadir daripada badan yang cergas, kata-kata ini membuktikan bahawa pentingnya aturan hidup ini disulami dengan aktiviti sukan yang akhirnya

akan mengharmonikan setiap perjalanan hidup kita.

12. Rebutlah peluang ini kerana kejohanan potensi sebegini dapat memupuk nilai-nilai positif serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan diri kita seterusnya membentuk modal insan yang berkualiti. Di samping itu, program ini juga akan mempamerkan semangat kesukanan dan daya juang yang tinggi. Gunakan kesempatan yang ada untuk mengukur keupayaan diri masing-masing. Percayalah anak-anak semua mempunyai potensi yang tersendiri

selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

13. Kemenjadian anak-anak semua bukan sahaja diukur daripada segi akademik semata-mata tetapi ia juga turut meliputi semua aspek sahsiah diri. Pengukuran yang holistik pastinya melahirkan insan yang terdidik dan mampu bersaing di persada global kerana dunia hari ini menuntut modal insan yang berjiwa kental dalam menyusuri dunia tanpa sempadan.

14. Sebagai rumusan dapat dikatakan bahawa Hari Potensi atau sukan yang dilaksana oleh TABIKA KEMAS

ini adalah untuk pengukuhan pengajaran dan pembelajaran di TABIKA kearah pembentukan sahsiah diri anak-anak dari aspek Displin, Sosial, Pembentukan peribadi, Gaya hidup sihat dan sebagainya.

**PROGRAM PINTAR BOTANI
SEBAGAI TEMPAT
PEMBELAJARAN YANG MENARIK**

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Belajar di TABIKA KEMAS bukan sahaja akan mendedahkan anak-anak kita dengan dunia pembelajaran di dalam kelas sahaja. Namun sebenarnya KEMAS merupakan satu-

satunya TABIKA yang menjadikan alam sekitar sebagai alat atau proses pengajaran dan pembelajaran yang sempurna.

16. Guru-guru, pihak pengurusan KEMAS dan Jawatankuasa aktiviti sama-sama berganding bahu berusaha meningkatkan mutu pembelajaran dan merangsang perkembangan emosi kanak-kanak secara semulajadi melalui pelbagai aktiviti yang dinamakan program pintar botani.

17. Untuk makluman tuan puan, Program Pintar Botani ini merupakan salah satu aktiviti kokurikulum TABIKA dan

TASKA yang melibatkan kanak-kanak seawal usia tiga (3) hingga enam (6) tahun. Pintar Botani dahulunya dikenali sebagai program kebun dapur yang merupakan aktiviti penanaman sayur-sayuran yang biasa seperti halia, daun kari, tomato, dan sebagainya.

18. Mulai tahun 2018, kebun dapur telah dijenamakan semula kepada nama Pintar Botani dengan mengintegrasikan komponen pemakanan ke dalam program ini, seiring dengan matlamat RMK-11. Di mana kebun dapur atau Pintar Botani berfungsi sebagai platform ruang

pembelajaran yang berkesan dan terbaik.

19. Program Pintar Botani ini bukan sahaja dapat mengoptimumkan tanah dan menceriakan kawasan TABIKA dan TASKA malah kanak-kanak berpeluang merasai pengalaman sebenar mempelajari kaedah penanaman sayuran, membuat baja organik, merasai aktiviti penyiraman baja, membuat aktiviti penuaian dan hasilnya dimakan serta ada sebahagiannya hasil tersebut dijual.

20. Ini merupakan proses pembelajaran yang paling berkesan kerana ia dapat

memupuk sifat ingin tahu dalam diri kanak-kanak dan menjana kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) sebagaimana yang terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

21. Penghasilan Taman pintar botani ini adalah berkonsepkan Keluarga Malaysia melalui penglibatan pelbagai pihak seperti Jawatankuasa Aktiviti TABIKA, ibu bapa dan penduduk setempat, agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, MARDI, Kementerian Kesihatan dan termasuklah Badan Bukan Kerajaan (NGO).” Semuanya saling membantu

dalam menjadikan taman pintar botani yang kreatif, menarik dan menguntungkan. Terdapat TABIKA yang mampu menghasilkan produk seperti jus, Jus ganas (Nenas dan pegaga), Jus mentimun (timun, limau kasturi dan madu) Jus Bunga Talang selain jualan hasil tanaman dan sayuran kesan daripada program pintar botani ini.

22. Dapat dikatakan bahawa prorgam Pintar Botani ini membawa seribu makna dari segi pembelajaran iaitu ia mencakupi aspek pengukuhan apa yg diajar di Tabika dengan anak-anak mengalami suasana

sendiri@praktikal berkaitan
pengukuhan pembelajaran sains,
matematik, teknologi, disiplin, agama,
seni dan lain-lain lagi

**RM1 JUTA DIPERUNTUKAN OLEH
KEMAS BAGI PELAKSANAAN
PROGRAM PINTAR BOTANI DI
TABIKA KEMAS SELURUH
NEGARA**

23. Sehubungan itu, bagi merencanakan lagi program pintar botani ini, pada tahun ini KEMAS kembali melaksanakan pertandingan Anugerah Pintar Botani setelah tertangguh selama dua (2) tahun akibat

pelaksanaan PKP di seluruh negara. Anugerah pintar botani ini diadakan bertujuan :

- a. Memberi galakan kepada seluruh TABIKA menceriakan kawasan TABIKA dengan aktiviti penanaman tumbuhan dan landskap yang menarik
- b. Mengeratkan kerjasama antara guru, Jawatankuasa aktiviti, agensi kerajaan, swasta dan masyarakat amnya menerusi aktiviti pintar botani

- c. Menjadikan aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan (PDPC) di luar kelas yang lebih baik dengan penggunaan taman pintar botani sebagai medium pembelajaran yang natural

- d. Memberi penghargaan kepada TABIKA dan seluruh jawatankuasa aktiviti yang telah melaksanakan projek taman pintar botani dengan terbaik

24. Pada malam ini kita akan dapat bersama-sama menyaksikan TABIKA manakah yang akan memenangi Anugerah Pintar Botani peringkat

kebangsaan. Penilaian peringkat kebangsaan telah pun diadakan pada bulan Ogos dan September yang lalu dengan sebanyak 6 buah TABIKA telah terpilih ke peringkat akhir . Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada seluruh Jawatankuasa Aktiviti TABIKA, para pendidik, pihak pengurusan di kawasan dan negeri yang telah berjaya melangkah sejauh ini.

25. Sesungguhnya kejayaan tuan puan akan memberi galakan kepada TABIKA -TABIKA lain untuk sama-sama menjayakan program pintar botani ini. Sehubungan itu untuk

merencanakan lagi pelaksanaan taman pintar botani pada tahun hadapan (2023) KEMAS akan memperuntukkan sebanyak RM 1 juta bagi program pintar botani ini.

PENUTUP

26. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada hari ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh kanak-kanak TABIKA yang menyertai potensi kali ini sama ada di peringkat parlimen, daerah, negeri dan kebangsaan ini. Datang dengan harapan, pulang dengan kejayaan. Kepada kontinjen yang menang

dalam setiap acara, tahniah saya ucapkan. Manakala bagi yang tidak berjaya, jangan putus asa, usaha lagi. Semoga kejayaan akan menjadi milik anda di masa akan datang

27. Dengan kata-kata itu tadi, saya dengan lafaz yang mulia, ***Bismillahirrahmanirrahim***, merasmikan Majlis Penutupan Hari Potensi Tabika KEMAS Peringkat Kebangsaan Tahun 2022.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warrahmatullahi
Wabarakatuh.